

UJIAN PEMAHAMAN SET 3

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Rumah-rumah yang bertiang tinggi merupakan perkara biasa di perkampungan nelayan, terutamanya di Kampung Air, Kota Kinabalu dan Sandakan. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada kaum China dan pendatang dari Filipina. Rumah-rumah papan itu luas dan moden. Ini menunjukkan penduduknya tergolong dalam golongan pertengahan.

Menangkap ikan merupakan pekerjaan utama di perkampungan air tetapi tidak di Kampung Air. Rata-rata penduduknya bekerja sebagai tukang kayu, tukang elektrik, tukang paip, manakala selebihnya bekerja di pejabat kerajaan atau swasta. Mereka tinggal di Kampung Air ini kerana mereka sukakan suasana di tepi laut. Bagi mereka, memancing ikan sekadar kegemaran sahaja oleh sebab laut di muka pintu rumah mereka.

Suatu masa dahulu kampung-kampung air di Sandakan ini amat kotor. Apabila bandar Sandakan membangun, kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengubah wajah kampung-kampung air itu. Kampung-kampung itu dimodenkan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas.

Adakah kewujudan kampung-kampung air kerana masalah kekurangan tanah? Negeri Sabah tidak mempunyai masalah dalam hal ini. Sebab utama mungkin kerana cukai tanah yang tinggi di negeri itu. Oleh sebab itu adalah lebih murah mendirikan rumah-rumah di atas air. Kedua, kehidupan di perkampungan air lebih sihat. Udaranya bersih, tidak mengalami kesesakan lalu-lintas dan bebas dari pencemaran.

1 Di Kota Kinabalu dan Sandakan, penduduk di Kampung Air terdiri daripada

- A pendatang dari Filipina
- B golongan pertengahan
- C penangkap ikan
- D mereka yang tidak berumah

2 Apakah pekerjaan sebahagian besar penduduk Kampung Air?

- A Nelayan
- B Bertukang
- C Makan gaji
- D Keria pejabat

3 Mengapakah ramai orang suka menetap di Kampung Air itu?

- A Sewa rumah di kawasan darat semakin mahal
- B Belanja membina rumah di atas air lebih murah
- C Mereka sukakan keadaan di tepi laut
- D Banyak pekerjaan di kampung itu

4 Kampung-kampung air itu wujud akibat

- A kekurangan tanah di negeri Sabah
- B cukai tanah yang agak tinggi di negeri Sabah
- C kehidupan di kampung air lebih selesa
- D pencemaran yang berlaku di bandar-bandar

5 Semua pernyataan di bawah ini benar tentang kampung air kecuali

- A** rumah-rumah di kampung air bertiang tinggi
- B** menangkap ikan bukan pekerjaan utama penduduk kampung air
- C** kampung air wujud akibat kekurangan tanah di Sabah
- D** kampung air itu mempunyai kemudahan elektrik dan air

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kebanjiran
Hujan lebat menimpa atap
lalu aku segera terbangun
di luar angin menderu
kulihat ayah sibuk menyisip atap
yang bocor dan lantai pondok kebasahan
ketika itu ayam jantan dan ayam betina
yang tidur di hujung dahan rambutan
riuh-rendah dan terbang membelah malam.
Sebentar pondok kami bergegar
air deras dengan cepat mencecah gelegar
cepat-cepat kami berkemas
malam itu seluruh kampung cemas.

Ketika matahari pagi muncul
di sebalik bukit
dan hujan terus merenik
kami menggigil di atas rabung rumah
memandang air melaut
kayu-kayan, sampah-sarap dan bangkai
berhanyutan
kampung kami kebanjiran.

Sawah dengan padi menguning dilitupi air
enam ekor lembu ayah hanyut dibawa arus
wajah ayah mendung
seperti dada langit **musim tengkujuh**
yang datangnya tanpa diundang.

6 Penulis cepat-cepat bangkit apabila

- A** bunyi bising akibat hujan menimpa atap
- B** mendengar deruan angin di luar rumah
- C** lantai pondok habis basah
- D** ayam jantan yang bising di luar rumah

7 Mengapakah ayah penulis sibuk pada malam itu?

- A** Kerana hendak menyelamatkan haiwan ternak
- B** Kerana sekarang musim hujan
- C** Kerana lantai rumah habis basah
- D** Kerana atap yang bocor akibat hujan

8 Apakah yang mencemaskan penduduk kampung?

- A** Paras air yang semakin naik
- B** Rumah mereka akan dihanyutkan air
- C** Pondok buruk mereka senget
- D** Binatang belaan mungkin hanyut

9 Hujan yang berterusan hingga ke pagi itu telah menyebabkan

- A** bukit yang berhampiran telah tenggelam
- B** rumah mereka bergegar dan hanyut
- C** penulis dan keluarganya memanjat bumbung rumah
- D** mereka berpindah dengan segera

10 **Musim tengkujuh** dalam puisi di atas bermaksud

- A** musim banjir
- B** musim hujan lebat
- C** musim angin kencang
- D** musim langit mendung

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

KUANTAN: Pantai Batu Hitam yang terletak 14 kilometer dari bandar ini, bukan sahaja terkenal sebagai pusat pelancongan, malahan menjadi tumpuan orang ramai yang gemarkan makanan laut.

Resort dan gerai-gerai yang terdapat di sini menyediakan pelbagai masakan berasaskan sumber laut, misalnya kepah, remis, siput, ketam dan ikan.

Di samping itu pantai ini sering dikunjungi oleh penduduk tempatan yang datang untuk memungut kulit-kulit siput. Kulit-kulit siput yang pelbagai warna dan bentuk itu dijadikan perhiasan. Laut yang terbentang itu juga kaya dengan ikan yang menjadi **punca rezeki** kepada nelayan-nelayan di sekitar kawasan itu.

Pantai Batu Hitam berbeza dengan pantai-pantai lain di negeri Pahang atau negeri Terengganu. Jika pantai-pantai di negeri lain berpasir, di sini pantainya dipenuhi dengan batu-batu yang agak besar dan berwarna kehitam-hitaman. Barangkali kerana inilah pantai itu mendapat namanya.

Pantai itu yang melengkung dan membentuk teluk serta dilatari dengan bukit yang menghijau menambahkan keindahan Pantai Batu Hitam. Jadi tidak hairanlah jika setiap hujung minggu pantai ini sesak dengan para pengunjung.

11 Pantai Batu Hitam menjadi tumpuan ramai kerana sebab-sebab berikut **kecuali**

- A** makanan laut yang pelbagai jenis
- B** di pantai itu terdapat kulit siput yang cantik
- C** lautnya yang kaya dengan pelbagai jenis ikan
- D** pantainya menjadi pusat pelancongan

12 Laut yang menghadap Pantai Batu Hitam mungkin sekali

- A** Laut Pantai Batu Hitam
- B** Laut China Selatan
- C** Laut Pahang
- D** Laut China

13 Maksud frasa punca rezeki dalam petikan di atas ialah

- A** laut yang terbentang itu terdapat banyak ikan
- B** nelayan-nelayan di sekitar Pantai Batu Hitam mendapat rezeki dari laut.
- C** ikan merupakan sumber pendapatan semua penduduk Pantai Batu Hitam
- D** laut merupakan punca pendapatan kepada nelayan di kawasan Pantai Batu Hitam

14 Apakah yang membezakan Pantai Batu Hitam dengan pantai-pantai lain di negeri Pantai Timur itu?

- A** Keadaan pantai yang berpasir hitam
- B** Keadaan pantainya yang berbatu-batan hitam
- C** Keadaan pantainya yang melengkung
- D** Bukit yang menjadi latar belakang pantai

15 Semua perkara berikut benar tentang Pantai Batu Hitam kecuali

- A** pantai itu menjadi terdapat kemudahan penginapan
- B** terdapat banyak gerai makanan di kawasan pantai itu
- C** pantai itu berteluk, melengkung serta indah
- D** pantai itu kaya dengan dengan pelbagai jenis ikan

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca catatan harian di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

8 Jun 1995

Pagi:

Perjalanan ke Lipis lama dan membosankan. Kereta api yang kuno dari bandaraya Kuala Lumpur ke Selatan dan Gemas dahulu, kemudian barulah berpatah balik menuju ke Timur.

Untuk menghilangkan rasa bosan, aku membaca buku cerita. Buku itu habis ku baca sebaik sahaja kereta api tiba di bandar Gemas. Selepas meninggalkan bandar itu, aku berjalan dari satu gerabak ke satu gerabak. Aku berbual-bual dengan sesiapa sahaja yang sudi.

Tengahari:

Kerana keletihan aku tertidur. Aku tersedar apabila telah tiba di bandar Lipis. Dari bandar itu aku menaiki bas menuju ke Kota Bharu. Jalannya berliku-liku serta lekak-lekuk. Bas terpaksa bergerak perlahan dan tersangkut-sangkut terutama apabila mendaki jalan berbukit. Apabila melewati sempadan Kelantan baharulah keadaan berubah. Jalannya lebih lebar serta lurus.

Petang:

Hampir senja aku pun tiba di bandar Kota Bharu. Kawanku, Asniah telah menunggu. Kami menaiki beca ke rumahnya, di Palekbang. Ayah serta ibunya menyambutku dengan ramah. Rumahnya jenis lama, tetapi masih kukuh dan diperbuat daripada kayu. Rumah itu juga bertiang tinggi dan di bawah rumah itu kerja-kerja membuat dijalan. Malam itu aku tidur lebih awal kerana kepenatan.

9 Jun 1995

Pagi:

Bersiap untuk ke Pulau Daya. Orang sangat ramai di jeti. Terpaksa bersesak-sesak ketika menaiki bot. Dalam keadaan itu dua tiga orang terjatuh ke laut. Kata Asniah, ada pesta laut di Pulau Daya, sebab itu orang sangat ramai.

Tengahari:

Tiba di tempat perkhemahan. Rupa-rupanya kamilah yang paling lewat mendaRar diri. Ada lima puluh peserta dari seluruh neuara menyertai perkhemahan tahunan Pandu Puteri ini.

Malam:

Kami menginap di kem tentera yang telah ditinggalkan. Ketika mengemas barang-barang, barulah kusedari aku telah tertinggal sesuatu. Nampaknya malam ini aku terpaksa berperang dengan nyamuk.

16 Penulis berbual dengan sesiapa sahaja dalam kereta api itu kerana

- A dia memang suka berbual
- B hendak mendapatkan pengalaman
- C hendak mengelakkan rasa jemu
- D supaya jangan tertidur

17 Bagaimanakah keadaan jalan dari bandar Lipis ke sempadan Kelantan?

- A Jalannya melalui kawasan berbukit, tetapi lebih lebar serta baik
- B Jalannya bengkok-bengkok serta berlubang-lubang
- C Jalannya berliku-liku, serta lekak-lekuk dan menyusuri bukit
- D Jalannya tidak rata dan melalui kawasan berbukit serta bengkok-bengkok

18 Maklumat yang tidak benar tentang rumah Asniah ialah

- A rumahnya jenis lama
- B rumahnya rumah batu
- C rumahnya masih kukuh
- D rumah itu bertiang tinggi

19 Ayat manakah yang membuktikan keadaan di jeti itu amat sesak?

- A Orang sangat ramai di jeti itu
- B Mereka terpaksa bersesak-sesak ketika menaiki bot
- C Dua tiga orang telah jatuh ke laut
- D Orang sangat ramai kerana ada pesta laut di Pulau Daya

20 Tujuan utama penulis ke Kota Bharu itu ialah untuk

- A melawat kawannya, Asniah
- B melihat orang membuat batik
- C melihat pesta laut di Pulau Daya
- D menyertai perkhemahan di Pulau Daya

Soalan 21 hingga Soalan 24

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong yang bernombor.

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah 21 daripada kurikulum sekolah. Namun demikian, para pelajar dan guru 22 mata pelajaran ini tidak penting. Oleh itu para guru tidak menyusun rancangan pelajaran ini dengan 23 Akibatnya, mata pelajaran ini tidak menarik minat para pelajar. Sesungguhnya, jika 24 dengan baik, mata pelajaran ini boleh memberi faedah yang besar kepada para pelajar.

21.

- A sebahagian
- B pembahagian
- C terbahagi
- D bahagian

22.

- A beranggap
- B menganggap
- C teranggap
- D dianggapkan

23

- A mengatur
- B diatur
- C teratur
- D beratur

24

- A merancang
- B berancang
- C dirancang
- D perancang

Soalan 25 hingga Soalan 32

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat - ayat di bawah.

25banyak bermain daripada belajar, dia telah gagal dalam peperiksaan akhir semester baru- baru ini.

- A Lantaran
- B Jika
- C Oleh
- D Meskipun

26 Hidupnya bertambah susah, apabila dia tidak bekerja kerana jatuh sakit.

- A malahan
- B lebih-lebih lagi
- C ketika
- D hingga

27 Orang kaya itu bukan sahaja kedekut, tidak suka bergaul dengan orang kampung.

- A malahan
- B manakala
- C tetapi
- D lagi pun

28 Penyanyi itu ke pentas lalu menyanyikan sebuah lagu.

- A timbul
- B terbit
- C muncul
- D tampil

29 Pihak polis terpaksa menggunakan gas pemedih mata untuk para penunjuk perasaan itu.

- A** meredakan
- B** menamatkan

- C** menyuraikan
- D** menghalau

30 Ayah mengambil baja untuk dibubuh kepada pokok bunga itu.

- A** segemal
- B** sekepal

- C** segenggam
- D** segumpal

31 Dia mengesat darah pada betisnya akibat gigitan pacat dengan kain buruk.

- A** secarik
- B** secekak

- C** sehelai
- D** selembur

32 Emak membubuh beberapa daun pandan ke dalam air gula lalu memasaknya.

- A** tangkai
- B** helai

- C** rumpun
- D** jambak

Soalan 33 hingga Soalan 35

Pilih simpulan bahasa yang **paling sesuai** untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

33 Walaupun disoal siasat selama beberapa jam, namun dia enggan pergerakan yang disertainya.

- A** membuka mulut
- B** membuka rahsia

- C** membuka tembelang
- D** membuka langkah

34 Setelah menerima daripada Guru Besar, dia tidak lagi ponteng sekolah.

- A** kata putus
- B** kata hikmat

- C** kata sepakat
- D** kata dua

35 Petani itu bekerja di tengah sawah setiap hari.

- A** bermandi peluh
- B** bertegang urat

- C** bermandi kerbau
- D** bermandi darah

Soalan 36 hingga Soalan 38

Pilih ayat-ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

36

- A** Selepas disembelih kulit. Lembu baka dari Australia itu segera dilapah, dan digarami supaya tidak berulat.
- B** Selepas disembelih, kulit lembu baka dari australia itu segera dilapah dan digarami supaya tidak berulat.
- C** Selepas disembelih, kulit lembu baka dari Australia itu segera dilapah dan digarami supaya tidak berulat.
- D** Selepas disembelih kulit lembu, baka dari Australia itu segera dilapah dan digarami supaya tidak berulat.

37

- A** Buk, Bunyi buah durian luruh! Saya, Ahmad, dan Leong segera berlari ke arah pokok durian itu.
- B** Buk! Bunyi buah durian luruh. Saya, Ahmad, dan Leong segera berlari ke arah pokok durian itu.
- C** Buk! Bunyi buah durian luruh! Saya, Ahmad, dan Leong segera berlari ke arah pokok durian itu.
- D** Buk. bunyi buah durian luruh! Saya, Ahmad dan Leong segera berlari ke arah pokok durian itu.

38

- A** "Jangan bergerak! Angkat tangan kamu!" kata Sarjan Hasan kepada penjahat itu.
- B** "Jangan! bergerak, angkat tangan kamu!" kata Sarjan Hasan kepada penjahat itu.
- C** "Jangan bergerak, angkat tangan kamu!" kata Sarjan Hasan kepada penjahat itu.
- D** "Jangan! Bergerak! Angkat tangan kamu" kata Sarjan Hasan kepada penjahat itu.

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud bilangan banyak.

- 39 I Bendera berwarna-warni dipacak sepanjang jalan itu.
II Kedai itu menjual berbagai-bagai jenis barang.
III Kakak membeleak-belek kasut itu sebelum membelinya.
IV Anjing itu terkial-kial setelah kena baling dengan batu.

- A** I dan II sahaja
- B** II dan III sahaja
- C** I dan IV sahaja
- D** II dan IV sahaja

- 40 I Berbelas-belas orang telah cedera dalam kebakaran itu.
II Akar berbelit-belit pada batang pokok itu.
III Kayu itu reput kerana dimakan oleh anai-anai.
IV Dia berdolak-dalik apabila disoal oleh gurunya.

- A** I dan II sahaja
- B** I dan III sahaja
- C** II dan IV sahaja
- D** I, II dan IV sahaja

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud **berulang-ulang**.

- 41 I Dia tersengguk-sengguk lalu tertidur di atas bangku itu.
II Pakaian pengemis itu koyak-rabak.
III Si Tompok, kucing saya mencakar-cakar dinding.
IV Daun pokok itu bergoyang-goyang apabila ditiup angin.

- A** I dan II sahaja
- B** I dan III sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** II, III dan IV sahaja

42 I Ibu dan anaknya berdakap-dakapan sebelum berpisah.

II Dia mengumpul hartanya secara berdikit-dikit.

III Bunyi tembakan itu kedengaran bertalu-talu dari arah bukit itu.

IV Terlayang-layang bulu burung itu diterbangkan oleh angin.

A I dan II sahaja

C II dan IV sahaja

B I dan III sahaja

D III dan IV sahaja

Pilih ayat yang paling sesuai sebagai jawapan kepada ayat yang bergaris.

43 Kata Fuad kepada Lim, "Apa kata kalau kita pergi berkelah di air terjun itu pada minggu depan.

A "Bagus cadangan kamu itu, tetapi minggu depan saya tidak boleh pergi," jawab Lim.

B "Air terjun itu berbahaya, lagipun saya suka mandi di laut," jawab Lim.

C "Nantilah saya bincang dengan kawan kita yang lain," jawab Lim.

D "Saya akan memberitahu keputusan saya pada besok pagi," jawab Lim.

44 Siapakah yang berlari di tepi padang sekolah kita itu?

A Bila pula dia berada di situ.

C Saya rasa dia nak masuk acara 100 meter.

B Entahlah, saya pun tidak cam budak itu.

D Dia, itu memang suka berlari.

45 Wartawan itu bertanya, "Berapa lama encik mengusahakan ladang koko ini?"

A Pokok koko di ladang saya ini berumur lima tahun.

B Oh! Baru saja, kira-kira tiga tahun yang lalu.

C Saya meneruskan usaha datuk saya tiga tahun dahulu.

D Sejak kecil lagi saya berminat dalam bidang pertanian.

46 Pengurus kilang itu berkata, "Bagaimana keadaan cawangan kita di utara itu?"

A Tahniah, kilang itu kian maju kini!

B Setakat hari ini nampaknya tidak ada sebarang masalah.

C Cawangan kita itu harus diperbesarkan.

D Di cawangan itu ramai pekerjaanya terdiri daripada kaum wanita.

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergans dengan betul.

47 I Ikan kembung itu dibelinya dengan harga dua ringgit satu kilogram.

II Beliau menjaga harga dirinya agar sentiasa dihormati orang.

III Permata itu harga seribu ringgit.

IV Ia tidak menduga bahawa barang-barang lama itu masih ada harga.

A I dan III sahaja

C II, III dan IV sahaja

B I, II dan IV sahaja

D I, II, III dan IV

48 I Basikalnya terlajak ke dalam parit.

II Dia terlajak duduk di atas meja guru.

III Akibat terlajak cakap dia dimarahi oleh ibunya.

IV Layang-layang itu terlajak ditolak angin.

A I dan II sahaja

C I, III dan IV sahaja

B I dan III sahaja

D III, III dan IV sahaja

49 I Air laut di pantai itu kurang pada pukul lima petang.

II Petani itu mengeluh kerana hasil padinya amat kurang pada tahun ini.

III Adik tidak ke sekolah kerana dia kurang sihat.

IV Budak yang kurang ajar itu didenda guru.

A II dan III sahaja

C II,III dan IV sahaja

B I, III dan IV sahaja

D I, II, III dan IV

50 I Bengkel penulisan itu akan diadakan pada minggu hadapan.

II Api sedang marak membakar bengkel kereta itu.

III Kertas kerja itu telah dibincangkan dalam bengkel sejarah itu.

IV Mukanya bengkel akibat kena tumbuk.

A I dan II sahaja

C I,III dan IV sahaja

B I,III dan III sahaja

D III,III dan IV sahaja

<http://tatabahasabm.tripod.com>

diambil dari laman TM School Online

Jawapan bagi Set 3

1. B
2. B
3. C
4. B
5. C
6. A
7. D
8. A
9. C
10. B
11. C
12. B
13. D
14. B
15. D
16. C
17. D
18. B
19. C
20. D
21. A
22. B
23. C
24. C
25. A
26. B

- 27. A
- 28. D
- 29. C
- 30. C
- 31. A
- 32. B
- 33. B
- 34. D
- 35. A
- 36. C
- 37. B
- 38. A
- 39. A
- 40. A
- 41. C
- 42. B
- 43. A
- 44. B
- 45. B
- 46. B
- 47. B
- 48. B
- 49. C
- 50. B
- 51.